

18 JAN 1996

Canada-Bakun

M'SIA SEDIA KAJI PENGLIBATAN CANADA DALAM PROJEK BAKUN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Malaysia sedia menimbang penyertaan Canada dalam projek hidroelekterik Bakun di Sarawak yang menyediakan pelbagai ruang untuk pelaburan dari negara itu.

Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali hari ini berkata kerajaan akan mengkaji tawaran-tawaran Canada sebelum membuat keputusan mengenai penglibatan negara yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang penjanaan kuasa itu, di Bakun.

"Canada boleh menyumbangkan kepakarannya, seperti dalam pemasangan kabel elektrik dasar laut bervoltan tinggi sejauh 960 km antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia," katanya.

Abdul Halim berkata demikian ketika memberikan butiran mengenai mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Kanada yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Canada Jean Chretien di sini hari ini.

Chretien tiba di ibu negara petang tadi untuk melakukan lawatan dua hari ke Malaysia atas jemputan Dr Mahathir bagi mengeratkan hubungan perdagangan dan politik kedua-dua buah negara.

Apabila siap kelak, projek hidroelekterik Bakun berharga RM12,000 juta di Hulu Sungai Rejang berkeupayaan menjana 2,400 megawatt tenaga elektrik.

Sebelum mesyuarat dua hala itu bermula, kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan selama setengah jam.

Abdul Halim berkata Canada berharap Malaysia membeli lebih banyak hasil keluarannya termasuk kelengkapan pengangkutan dan menyatakan minatnya untuk menyertai projek-projek infrastruktur di Malaysia.

Mengenai tawaran Canada supaya Malaysia menghantar lebih banyak pelajarinya ke negara itu, beliau berkata delegasi Malaysia menjelaskan pendirian baru Malaysia untuk mengurangkan penghantaran sedemikian bagi menurunkan kadar pertukaran wang asing.

"Sebaliknya kita menjemput Canada untuk mengadakan program pendidikan berkembar dan membuka kampus cawangan pusat-pusat pengajian tingginya di negara ini," katanya.

Selepas mesyuarat itu, Malaysia dan Kanada menandatangani tiga perjanjian iaitu dalam bidang pendidikan, perhutanan dan pengangkutan udara.

Perjanjian dalam bidang pendidikan yang ditandatangani Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mohd Khalid Yunus dan Setiausaha Negara bagi Asia Pasifik itu, antara lain, membolehkan pertukaran tenaga pakar antara kedua-dua negara.

Perjanjian tambahan di bidang perhutanan pula membolehkan Malaysia memperolehi dan mempelajari teknologi perhutanan Kanada sementara perjanjian pengangkutan udara mengesahkan hubungan udara dari Kuala Lumpur ke Vancouver oleh Penerbangan Malaysia. -- BERNAMA